

KENYATAAN MEDIA

PELANCARAN ZON BERSIH MBPJ 2012

Selaras dengan visi Majlis Bandaraya Petaling Jaya iaitu Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari, MBPJ sekali lagi telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Pelancaran Zon Bersih. Program Zon Bersih edisi pertama telah dilancarkan pada 30 April 2009. Setelah diputuskan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-14/2009, program Zon Bersih ini diteruskan lagi pada tahun 2010 setelah pelancaran di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan telah berlangsung pada 6 November 2010 bagi sesi 2010/2011.

Antara objektif zon bersih ini diwujudkan adalah untuk memupuk rasa kesedaran dan budaya cintakan kebersihan di samping salah satu tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menyediakan infrastruktur dan menjalankan penguatkuasaan undang-undang.

Di samping itu juga, pelancaran Zon Bersih ini diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab dalam usaha untuk memelihara kebersihan persekitaran serta secara tidak langsung menjadikan Negeri Selangor sebagai salah satu negeri yang terbersih di Malaysia.

Dalam usaha untuk menjayakan program ini, semua pihak haruslah memainkan peranan antaranya Majlis Bandaraya Petaling Jaya berperanan untuk mewujudkan dan menyediakan kemudahan infrastruktur dan menjalankan penguatkuasaan undang-undang. Bagi penduduk atau orang awam pula, mereka berperanan untuk memberikan komitmen dan kerjasama dalam usaha untuk menjayakan program zon bersih ini. Tidak ketinggalan peranan peniaga dan penjaja adalah berusaha untuk memastikan keadaan premis dan persekitaran perniagaan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan teratur.

Antara Kriteria-kriteria Zon Bersih ialah mewujudkan keadaan persekitaran yang bersih, memastikan kemudahan dan infrastruktur awam disediakan dan diselenggara dengan baik, memastikan pengindahan dan penyelenggaraan landskap secara berterusan, memastikan sistem pengurusan dan keberkesanannya aduan yang cekap dan efisien, meningkatkan penglibatan komuniti dalam melaksanakan program dan aktiviti bagi memupuk budaya cintakan kebersihan.

Pada tahun ini, Petaling Jaya Utara (PJU 5) Kota Damansara telah dipilih untuk menjadi salah satu tempat untuk diiktiraf sebagai zon bersih. Zon Bersih merupakan satu program sesebuah kawasan dalam usaha untuk mempertingkatkan tahap kebersihan, kemudahan prasarana serta mewujudkan keadaan persekitaran yang lebih damai dan selesa.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,

twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my

Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my

Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my